

30 JAN 2002

Indon-Reaksi/I

PELBAGAI REAKSI RAKYAT INDONESIA BERHUBUNG ISU PEKERJA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 30 Jan (Bernama) -- Bapak Adenan, 51, seorang pemandu teksi di Yogyakarta, lebih 500km timur dari sini, tidak pernah pergi ke Malaysia tetapi banyak yang beliau dengar daripada sanak saudaranya yang pernah pergi ke negara itu.

"Mereka beritahu saya bahawa Malaysia adalah bagus tetapi saya tidak tahu sebagus mana," katanya ketika ditanya sebanyak mana yang beliau tahu mengenai Malaysia.

Sumargono, 31, yang bekerja di sebuah hotel di sini yang juga berasal dari bandaraya kuno itu berkata beliau pernah pergi ke Malaysia "tetapi hanya dalam mimpi."

Pengetahuan dan khayalan mengenai Malaysia diperolehinya daripada menonton televisyen dan membaca akhbar.

Seperti Adenan, gambaran beliau mengenai kemakmuran Malaysia diperolehinya daripada mereka yang telah kembali dengan membawa banyak wang selepas bertahun-tahun bekerja di sana.

Kedua-dua mereka mendapati sukar untuk faham akan masalah yang menjejaskan beribu-ribu pekerja Indonesia yang sedang dihantar pulang ekoran langkah drastik Malaysia dalam mengurangkan jumlah mereka.

Langkah itu diambil berikutan beberapa siri rusuhan dan aktiviti jenayah melibatkan warga Indonesia, terbaru ialah rusuhan yang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan, kira-kira dua minggu lepas.

Ini telah mendorong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengeluarkan arahan kepada majikan Malaysia untuk menjadikan pekerja Indonesia sebagai pilihan terakhir dalam senarai pengambilan pekerja asing mereka.

Malaysia menjadi rumah kepada lebih setengah juta pekerja berdaftar Indonesia dan lebih banyak lagi datang secara haram bagi mencari pekerjaan yang mereka tidak dapat cari di negara sendiri.

Saiful Cahyar, 41, seorang eksekutif dengan sebuah firma tempatan di sini berkata beliau berasa malu apabila mendengar mengenai kejadian itu di Malaysia.

"Saya ada lihat berita di televisyen...bagaimana mereka berkelakuan buruk seperti menterbalikkan kenderaan polis, mengutuk polis, mengibarkan bendera Indonesia dan ini memalukan saya."

"Malahan di sini kita berdepan dengan banyak kekacauan seperti itu dan kini kejadian buruk itu berlaku di Malaysia...dilakukan oleh rakyat negara saya," kata Saiful dengan nada kesal.

Beliau berkata Indonesia tidak pernah kekurangan komoditi untuk dieksport dan kini satu lagi ditambah pada senarai panjang itu yang dipanggil "rusuhan".

Sementara ramai yang faham dan bersimpati dengan Malaysia berhubung kejadian itu, lain-lainnya terutama kumpulan pelobi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kelihatan tidak gembira.

Mereka berasakan Malaysia bertindak keterlaluan, walaupun permohonan maaf sudah dikemukakan.

Menteri Sumber Manusia dan Buruh, Jacob Nuwa Wea berkata Malaysia sepatutnya mengehadkan tindakannya terhadap mereka yang bersalah sahaja dan mengekalkan pekerja lain--menyatakan bahawa Malaysia masih perlukan pekerja Indonesia dalam proses pembangunannya.

Beberapa kumpulan di sini meramalkan bahawa penghantaran pulang pekerja Indonesia akan mendatangkan kesan ke atas ekonomi Malaysia.

Seorang aktivis kumpulan buruh, Konsortium Pembela Buruh Migran Indonesia mengutuk penghantaran pulang pekerja itu dan menuduh Malaysia memberi layanan tidak adil kepada pekerja Indonesia.

Setiausaha agungnya Wahyu Susilo menyifatkan hasrat Malaysia untuk mengurangkan jumlah pekerja Indonesia sebagai satu bentuk diskriminasi dan melanggar prinsip hak asasi manusia sejagat.

Ketua "Fron Nasional Perjuangan Buruh Indonesia" Dita Indah Sari berkata Malaysia tidak boleh lepas tangan berhubung keseluruhan tindakan buruk pekerja Indonesia.

Beliau mendakwa kejadian seumpama itu berpunca daripada "tindakan penindasan oleh polis Malaysia atau layanan tidak berperikemanusiaan oleh majikan."

"Ia merupakan satu kesilapan besar oleh Malaysia untuk menghantar pulang pekerja Indonesia, setiap kali terdapat konflik melibatkan mereka," katanya.

Dengan pelbagai masalah lain termasuk pengangguran besar-besaran hampir 40 juta orang di tanah air, Indonesia mempunyai banyak sebab untuk berasa bimbang.

Indonesia sedang mencuba melalui saluran diplomasi untuk memujuk Malaysia untuk terus memberi pilihan kepada rakyat Indonesia dalam pengambilan pekerja.

Rundingan dan usaha diplomasi sedang dijalankan secara agresif dalam usaha untuk mencari penyelesaian sebaiknya terhadap masalah semasa itu, menurut sumber.

-- BERNAMA
OPP AAM RHM